

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 24/5/2012
Hari: SELASA M/S: 4
Ruangan: KEMAHAL

90 peratus kos pengajian IPTA ditanggung kerajaan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 90 peratus kos pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ditanggung kerajaan, justeru pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh dianggap hanya untuk menanggung kos sara hidup pelajar.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata PTPTN hanya menanggung baki kos pengajian yang kecil, kira-kira 10 peratus daripada kos keseluruhan pengajian di IPTA.

"Tidak seperti negara lain, kerajaan (Malaysia) bagi pinjaman kepada mahasiswa untuk menanggung kos sara hidup. Setakat ini tidak ada mana-mana negara memberi pinjaman sara hidup kepada mahasiswa dengan yang jumlah tinggi," katanya selepas melancarkan projek pembangunan Pusat Kecemerlangan Industri Pemborongan dan Peruncitan (ICoE), di sini, semalam.

Beliau mengulas pemansuhan satu peratus ujrah pinjaman PTPTN yang diutarakan Pengarah Strategi PKR, Mohd Rafizi Ramli dalam sesi debat dengan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin mengenai 'Pemansuhan PTPTN & Hala Tuju Pendidikan Tinggi,' Selasa lalu.

Mohamed Khaled berkata, satu peratus hanya jumlah yang kecil bagi mahasiswa untuk membayar kos pengurusan pinjaman itu dan beliau tidak nampak keperluan isu pemansuhan satu peratus ujrah yang dikenakan ketika pembayaran pinjaman PTPTN.

Program itu diadakan dengan kerjasama ICoE Mydin Mohamed Holdings bersama beberapa IPT seperti Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Mara (UTM). Program itu dijalankan.

Ia memberi fokus kepada pembangunan modal insan dari peringkat lepasan sekolah, sijil, diploma dan Ijazah Sarjana Muda melalui latihan industri dan kerja sambilan.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Dr Rujhan Mustafa; Pengarah Urusan MYDIN Mohamed Holdings Berhad, Datuk Dr Ameer Ali Mydin dan Presiden Malaysia Retailer-Chains Association, Datuk Nelson Kwok.

Mohamed Khaled dalam ucapan perasmian berkata, tujuan ICoE ditubuhkan adalah untuk menemukan industri dan universiti bertukar pandangan dalam pelbagai bidang yang meliputi perancangan sumber manusia, penempatan mahasiswa untuk latihan industri, kerja sambilan serta penyelesaian masalah secara bersama dalam isu teknologi.